

Pemangkin syiar Islam

■ Kerajaan negeri sedia RM3.27 juta bina 16 rumah transit pegawai agama

Pontian

Rumah transit pegawai agama Darul Hikmah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) di Kampung Baru Kuala Benut di sini, yang dirasmikan Sultan Ibrahim Iskandar semalam, menjadi pemangkin kepada pengukuhan syiar Islam di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Johor Abd Mutalip Abd Rahim berkata, kerajaan negeri menyediakan RM3.27 juta bagi membina 16 unit rumah transit Darul Hikmah di beberapa daerah negeri ini.

Beliau berkata, rumah transit Darul Hikmah di Kampung Baru Kuala Benut itu kediaman contoh pertama siap dibina yang menelan kos RM167,000 yang akan menempatkan masing-masing seorang pegawai MAINJ dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Selain di sini, 15 lagi rumah transit sama dibina di Kampung Orang Asli Bakar Batu, Kuala Masai di Johor Bahru, Sentosa dan Lenga (Muar), Sungai Mering (Tangkak), Segamat Kecil, Kundung (Segamat), Kempas



SULTAN Ibrahim menandatangani plak perasmian rumah transit Darul Hikmah di Kampung Baru Kuala Benut.

Menang, Semanggar, Sungai Layau (Kota Tinggi), Tanah Runtuh dan Sungai Peroh (Kluang), Seri Mahkota (Pontian), Sejagung dan Seri Banang (Batu Pahat) dan Pu-

nan (Mersing).

"Pembinaan rumah transit yang menempatkan pegawai agama di perkampungan Orang Asli bertujuan membolehkan masyarakat itu

yang sudah memeluk Islam dapat terus hidup dalam suasana Islam dengan penganjuran pelbagai majlis keagamaan," katanya.

Menurutnya, baki 15 unit

“Pembinaan rumah transit yang menempatkan pegawai agama di perkampungan Orang Asli bertujuan membolehkan masyarakat itu yang sudah memeluk Islam dapat terus hidup dalam suasana Islam”

Abd Mutalip Abd Rahim

lagi rumah transit berkenaan dalam proses pembinaan dan beberapa penambahbaikan seperti surau untuk dijadikan kelas agama akan dibangunkan kemudian

Terdahulu, baginda tiba di Kampung Baru Kuala Benut kira-kira jam 10 pagi menaiki Vespa diiringi Tunku Panglima Johor Tunku Abdul Rahman yang turut menunggang motosikal sempena Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah negeri Datuk Hasni Mohamad dan Ketua Pegawai Eksekutif MAINJ Mohd Rofiki Shamsudin.

Baginda kemudian menukarkan tandatangan sebelum melawat rumah transit Darul Hikmah berkenaan seterusnya berkenaan menghadiri majlis santapan ringan sambil menyaksikan sukan rakyat di kampung berkenaan.

Hari terakhir KMJ 2016 menyaksikan baginda memandu trak Mack, sekali gus melengkapkan kembara membabitkan laluan sejauh 148 kilometer.

Konvoi diraja berkenaan melakukan beberapa persinggahan termasuk Dataran Dato' Jalok, Benut, Dataran Bandaraya Johor Bahru sebelum menamatkan jelajah di kawasan Rehat & Rawat (R&R) Pandan Lebu Raya Penyuraian Timur (EDL).